# SCHOOL ADMIN

## USER MANUAL

## MANUAL PENGGUNA

No Rujukan: JPID2022-V1
Tarikh Edaran: 15/06/2022

This document contains proprietary and confidential information and is for training purposes for JPID Albayen only. This document is for the intended recipient and may not be used, published or redistributed without the prior written consent of Universiti Teknologi Malaysia.

# ايسي کندوڠن

# ISI KANDUNGAN


PENDAHULUAN 1

PERSEDIAAN MENGGUNAKAN SISTEM 2

AKSES KE SISTEM JPID ALBAYEN 3

LOG MASUK KE SISTEM 4

MEMILIH PERANAN PENTADBIR SEKOLAH 5

MUKA HADAPAN AKAUN PENTADBIR SEKOLAH 6

KOMPONEN BAR ATAS (*HEADER BAR*) 7

KOMPONEN MENU TEPI (*SIDEBAR MENU*) 8

**MENU MURID (*STUDENT*)** **9**

*PENDAFTARAN MURID* *10*

*LIHAT MAKLUMAT MURID* *11*

*SUNTING MAKLUMAT MURID* *12*

*PADAM MAKLUMAT MURID* *13*

**MENU GURU (*TEACHER*)** **14**

*PENDAFTARAN GURU* *15*

*LIHAT MAKLUMAT GURU* *16*

*SUNTING MAKLUMAT GURU* *17*

*PADAM MAKLUMAT GURU* *18*

**MENU KELAS (*CLASS*)** **19**

*CIPTA KELAS* *20*

*MENETAPKAN GURU KELAS* *21*

*LIHAT MAKLUMAT KELAS* *22*

*SUNTING MAKLUMAT KELAS* *23*

*PADAM MAKLUMAT KELAS* 24

*LIHAT RUANGAN KEWANGAN* 25

**MENU PENGUMUMAN (*ANNOUNCEMENT*)** **26**

*CIPTA PENGUMUMAN* 27

*LIHAT BUTIRAN PENGUMUMAN* 28

*SUNTING BUTIRAN PENGUMUMAN* 29

*PADAM BUTIRAN PENGUMUMAN* 30

**MENU PEPERIKSAAN SEKOLAH (*SCHOOL EXAM*)** **31**

*DAFTAR PEPERIKSAAN SEKOLAH* 32

*SUNTING BUTIRAN PEPERIKSAAN SEKOLAH* 33

*PADAM BUTIRAN PEPERIKSAAN SEKOLAH* 34

**MENU KEHADIRAN GURU (*TEACHER ATTENDANCE*)** **35**

*LIHAT LAPORAN KEHADIRAN GURU* 36

*MUAT NAIK BORANG* 37

# ڤنداهولوان

# PENDAHULUAN

JPID Albayen merupakan satu sistem sokongan pengajaran dan pembelajaran yang telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ). Sistem ini merangkumi beberapa akaun penting, iaitu akaun organisasi, pentadbir sekolah, guru, murid, dan ibu bapa.

Dokumen ini adalah manual pengguna lengkap bagi akaun pentadbir sekolah, merangkumi panduan penuh penggunaan sistem bagi akaun pentadbir sekolah. Pentadbir sekolah boleh menggunakan panduan ini sebagai alat bantuan utama bagi menggunakan Sistem JPID Albayen.

Diharap manual pengguna ini dapat membantu semua pentadbir sekolah untuk menggunakan Sistem JPID Albayen.

Terima kasih.

# ڤرسديان مڠڬوناكن سيستم

# PERSEDIAAN MENGGUNAKAN SISTEM

## Perisian Pelayar Web Bersesuaian

Sistem JPID Albayen dibangunkan selari dengan perkembangan teknologi semasa. Kami syorkan kepada semua pengguna sistem JPID Albayen untuk menggunakan pilihan pelayar web di bawah bagi menikmati pelayaran sistem yang lancar.

Muat turun sekarang:

chrome

Firefox Browser

## Sistem Operasi Bersesuaian

Sistem operasi adalah

Muat turun sekarang:

## *Pop-up Blocker*

Bagi kelancaran penggunaan sistem JPID Albayen, pengguna adalah disarankan untuk menyahaktifkan *popup blocker* pada pelayar web masing-masing.

# اكسس ك سيستم جڤيد الباين

# AKSES KE SISTEM JPID ALBAYEN




Bagi mengakses ke sistem JPID Albayen, pentadbir sekolah hanya perlu memasukkan pautan di bawah ke dalam pelayar web melalui peranti masing-masing.

Pautan ke sistem:

**https://albayen.sakj.jainj.gov.my**

**Nota**

Pilihan pelayar web yang dicadangkan adalah Google Chrome atau Mozilla Firefox.




# لوك ماسوق ك سيستم

# LOG MASUK KE SISTEM

Setelah pentadbir sekolah selesai membuat akses ke sistem, pentadbir sekolah boleh log masuk ke sistem. Ikuti langkah-langkah di bawah bagi proses log masuk ke sistem.

1. Sila pastikan sekolah anda sudah didaftarkan di dalam sistem oleh Sistem Admin. Jika belum atau tidak pasti, sila hubungi Sistem Admin bagi tujuan pendaftaran maklumat sekolah anda ke dalam sistem.
2. Jika maklumat anda telah didaftarkan oleh pihak Sistem Admin, sila masukkan ID sekolah pada ruangan *Username* (contoh: SAJ91U9).
3. Kemudian, sila masukkan kata laluan pada ruangan *Password*. Kata laluan lalai adalah **Albayen1234**, namun, sekiranya anda telah menukar kata laluan, sila masukkan kata laluan baharu anda.
4. Sila tekan butang *LOG IN* untuk mengakses akaun anda.
5. Jika anda terlupa kata laluan anda, sila tekan pada bahagian *Forget password?* dan sila masukkan maklumat yang diperlukan.

# مميليه ڤرانن ڤنتدبير سكوله

# MEMILIH PERANAN PENTADBIR SEKOLAH

Setelah selesai proses log masuk, paparan untuk pengguna memilih peranan pentadbir sekolah akan dipaparkan.

Pentadbir sekolah yang membuat log masuk ke sistem diberi pilihan untuk memilih peranan. Antara peranan yang boleh log masuk ke dalam sistem ialah:

1. Guru besar,
2. Guru penolog kanan,
3. Guru ketua panitia, dan
4. Administrator.



# موك هادڤن اكاءون ڤنتدبير سكوله

# MUKA HADAPAN AKAUN PENTADBIR SEKOLAH

Setelah selesai memilih peranan, paparan muka hadapan akan dipaparkan pada akaun pentadbir sekolah, seperti rajah di sebelah kanan.

Paparan bagi akaun pentadbir sekolah boleh dibahagikan kepada tiga (3) komponen, iaitu komponen bar atas (header bar), komponen menu tepi (sidebar menu), dan komponen kandungan (content). Kandungan di dalam komponen bar atas dan menu tepi tidak akan berubah sepanjang penggunaan sistem. Hanya komponen kandungan sahaja yang akan berubah mengikut modul yang dipilih oleh pengguna.



# كومڤونين بر اتس

# KOMPONEN BAR ATAS (*HEADER BAR*)







Komponen bar atas, atau *header bar*, adalah komponen terpenting dalam proses penggunaan sistem JPID Albayen. Komponen ini mengandungi; bermula daripada kiri, logo sistem JPID Albayen, butang anak panah ke kiri bagi menyembunyikan menu tepi (*sidebar menu*), tarikh dan masa, nama guru, dan juga ikon atau *avatar* pentadbir sekolah, yang akan menyenaraikan menu-menu penting bagi akaun pentadbir sekolah, seperti rajah di sebelah kanan.

Pengguna boleh menekan setiap menu yang disediakan, dan paparan baru akan timbul pada paparan skrin anda.




# كومڤونين مينو تڤي

# KOMPONEN MENU TEPI (*SIDEBAR MENU*)

Komponen menu tepi pula menyenaraikan menu dan fungsi yang disediakan bagi akaun pentadbir sekolah. Ia merangkumi:

1. Muka hadapan, atau 

memaparkan pautan pantas jumlah guru, murid, ibu bapa yang log masuk ke dalam sistem, kalendar, pemberitahuan, dan maklum balas.

2. Selain itu, komponen menu tepi juga mempunyai menu fungsi lain selain *Home* iaitu *Student, Teacher, Class, Finance, Announcement, School Exam, Teacher Attendance,* dan *Forms*.

3. Apabila pengguna menekan butang-butang menu tersebut, satu paparan baru akan dipaparkan.

Pihak pentadbir sekolah adalah disarankan untuk menerokai semua fungsi Sistem JPID Albayen yang telah disediakan agar dapat menambahkan pengetahuan dan kemahiran menggunakan sistem.

# مينو موريد

# MENU MURID (*STUDENT*)

Menu ini disediakan bagi memaparkan senarai nama murid yang belajar di sekolah anda yang telah didaftarkan ke dalam Sistem JPID Albayen.

Di ruangan ini, pentadbir sekolah boleh mendaftarkan maklumat murid yang bersekolah di sekolah anda dengan secara satu per satu dengan menekan butang Register Student atau secara pukal dengan menekan butang Bulk Student Registration. Pentadbir sekolah juga boleh melihat butiran maklumat murid lebih lanjut dengan menekan butang , boleh menyunting maklumat murid dengan menekan butang , dan memadam maklumat murid dengan menekan butang .




| No | Identity Number | Name | Class | Parents Name | Date Registered | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 140106015321 | MUHAMMAD FARHAN BIN MOHD HADI | 2 ARIF | MOHD HADI BIN MOHD ALIFF | 19 January 2022 | |
| 2 | 130303010001 | NUR AINA DALILA BINTI SYUKOR | 2 ARIF | SYUKOR BIN RAZAK | 21 October 2021 | |
| 3 | TESTSTUDENT2 | TEST STUDENT 2 | 1 AMANAH | Not assigned | 31 January 2021 | |
| 4 | 101010101010 | STUDENT 1 | 1 CLASS | PARENT 1 | 25 January 2021 | |
| 5 | 171717171717 | MURID 01 | Not assigned | Not assigned | 20 January 2021 | |
| 6 | 1311130113 | AMMAR | 1 AMANAH | Not assigned | 20 January 2021 | |
| 7 | TEST STUDENT | TEST STUDENT | 1 AMANAH | TEST PARENT | 03 January 2021 | |







# ميڽو موريد

# MENU MURID (*STUDENT*)

## PENDAFTARAN MURID

Pendaftaran akaun murid ke dalam Sistem JPID Albayen adalah didaftar oleh pentadbir sekolah. Maklumat yang diperlukan untuk mendaftar murid ialah nama murid, nombor MyKID / passport / nombor sijil kelahiran murid (tiada sengkang -), jantina, dan email murid (jika ada).

Pendaftaran murid secara pukal juga memerlukan maklumat murid yang sama seperti nama murid, nombor MyKID / passport / nombor sijil kelahiran murid (tiada sengkang -), jantina, dan email murid (jika ada). Untuk menambah nama murid lebih dari satu, pentadbir sekolah perlu menekan butang + manakala untuk membuang ruangan murid, pentadbir sekolah perlu menekan butang − .

Setelah selesai mengisi maklumat murid, pentadbir sekolah perlu menekan butang Register Student atau butang Submit Registration.

# مينو موريد

# MENU MURID (*STUDENT*)

## LIHAT MAKLUMAT MURID

| No | Identity Number | Name | Class | Parents Name | Date Registered | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 140106015321 | MUHAMMAD FARHAN BIN MOHD HADI | 2 ARIF | MOHD HADI BIN MOHD ALIFF | 19 January 2022 | |
| 2 | 130303010001 | NUR AINA DALILA BINTI SYUKOR | 2 ARIF | SYUKOR BIN RAZAK | 21 October 2021 | |



| | |
|---|---|
| Name | MUHAMMAD FARHAN BIN MOHD HADI |
| MyKID/Birth Certificate/Passport Number | 140106015321 |
| Gender | Male |
| Email | Not set |
| Account Created | 19 January 2022, 08:28 am |

Avatar

Parent and Account details

Parent / Guardian MOHD HADI BIN MOHD ALIFF

Student Classes

Show 10 entries Search:

| Year | Class |
|---|---|
| 2022 | 2 ARIF |

Sistem JPID Albayen membenarkan pentadbir sekolah melihat butiran maklumat murid dengan lebih lanjut. Dengan menekan butang, maklumat murid akan dipaparkan seperti rajah sebelah.

# مينو موريد

# MENU MURID (*STUDENT*)

## SUNTING MAKLUMAT MURID



| No | Identity Number | Name | Class | Parents Name | Date Registered | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 140106015321 | MUHAMMAD FARHAN BIN MOHD HADI | 2 ARIF | MOHD HADI BIN MOHD ALIFF | 19 January 2022 | |
| 2 | 130303010001 | NUR AINA DALILA BINTI SYUKOR | 2 ARIF | SYUKOR BIN RAZAK | 21 October 2021 | |




Bagi maklumat murid yang ralat, Sistem JPID Albayen membolehkan pentadbir sekolah menyunting maklumat murid dengan menekan butang kemudian satu paparan baru untuk menyunting maklumat akan dipaparkan.

Selepas selesai menyunting maklumat murid, pentadbir sekolah perlu menekan butang Submit Changes untuk menyimpan maklumat terbaru murid.

# مينو موريد

# MENU MURID (*STUDENT*)

## PADAM MAKLUMAT MURID

| No | Identity Number | Name | Class | Parents Name | Date Registered | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 140106015321 | MUHAMMAD FARHAN BIN MOHD HADI | 2 ARIF | MOHD HADI BIN MOHD ALIFF | 19 January 2022 | |
| 2 | 130303010001 | NUR AINA DALILA BINTI SYUKOR | 2 ARIF | SYUKOR BIN RAZAK | 21 October 2021 | |

Selain daripada melihat serta menyunting maklumat murid, Sistem JPID Albayen juga menyediakan fungsi untuk memadam maklumat murid. Pentadbir sekolah perlu memilih maklumat murid yang mahu dipadam kemudian tekan butang .




Satu paparan *pop-up* dengan mesej "*Are you sure want to delete this student?*" akan muncul. Pentadbir sekolah perlu tekan butang OK jika mahu padam maklumat tersebut dan Cancel untuk batal memadam maklumat tersebut.

# مينو ݢورو

# MENU GURU (*TEACHER*)

Menu ini disediakan bagi memaparkan senarai nama guru yang mengajar di sekolah anda yang telah didaftarkan ke dalam Sistem JPID Albayen.

Di ruangan ini, pentadbir sekolah boleh mendaftarkan maklumat guru yang mengajar di sekolah anda dengan secara satu per satu dengan menekan butang Register Teacher atau secara pukal dengan menekan butang Bulk Teacher Registration. Pentadbir sekolah juga boleh melihat butiran maklumat guru lebih lanjut dengan menekan butang , boleh menyunting maklumat guru dengan menekan butang , dan memadam maklumat guru dengan menekan butang .



# مينو ݢورو

# MENU GURU (*TEACHER*)

## PENDAFTARAN GURU







Pendaftaran akaun guru ke dalam Sistem JPID Albayen adalah didaftar oleh pentadbir sekolah. Maklumat yang diperlukan untuk mendaftar guru ialah nama guru, nombor kad pengenalan guru (tiada sengkang -), jantina, email, dan nombor telefon guru.

Pendaftaran guru secara pukal juga memerlukan maklumat guru yang sama seperti nama guru, nombor kad pengenalan guru (tiada sengkang -), jantina, email, dan nombor telefon guru. Untuk menambah nama guru lebih dari satu, pentadbir sekolah perlu menekan butang + manakala untuk membuang ruangan guru, pentadbir sekolah perlu menekan butang − .

Setelah selesai mengisi maklumat guru, pentadbir sekolah perlu menekan butang Register Teacher atau butang Submit Registration.

# مينو ڬورو

# MENU GURU (*TEACHER*)

## LIHAT MAKLUMAT GURU



| No | Identity Number | Name | Gender | Email | Contact No. |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 808080808080 | TEACHER 1 | Female | *Not set* | 011-56565696 |
| 2 | TEST TEACHER | TEST TEACHER | Female | *Not set* | 011-56565696 |
| 3 | 880121235462 | ARNISYA RAMLI | Female | arnisya@gmail.com | 018-3594294 |

Showing 1 to 3 of 3 entries    Previous 1 Next




Sistem JPID Albayen membenarkan pentadbir sekolah melihat butiran maklumat guru dengan lebih lanjut. Dengan menekan butang , maklumat guru akan dipaparkan seperti rajah sebelah.

# مينو ݢورو

# MENU GURU (*TEACHER*)

## SUNTING MAKLUMAT GURU



| No | Identity Number | Name | Gender | Email | Contact No. |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 808080808080 | TEACHER 1 | Female | *Not set* | 011-56565696 |
| 2 | TEST TEACHER | TEST TEACHER | Female | *Not set* | 011-56565696 |
| 3 | 880121235462 | ARNISYA RAMLI | Female | arnisya@gmail.com | 018-3594294 |

Showing 1 to 3 of 3 entries — Previous 1 Next




Bagi maklumat guru yang ralat, Sistem JPID Albayen membolehkan pentadbir sekolah menyunting maklumat guru dengan menekan butang kemudian satu paparan baru untuk menyunting maklumat akan dipaparkan.

Selepas selesai menyunting maklumat guru, pentadbir sekolah perlu menekan butang Submit untuk menyimpan maklumat terbaru guru.

# مينو ڬورو

# MENU GURU (*TEACHER*)

## PADAM MAKLUMAT GURU



| No | Identity Number | Name | Gender | Email | Contact No. | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 808080808080 | TEACHER 1 | Female | *Not set* | 011-56565696 | |
| 2 | TEST TEACHER | TEST TEACHER | Female | *Not set* | 011-56565696 | |
| 3 | 880121235462 | ARNISYA RAMLI | Female | arnisya@gmail.com | 018-3594294 | |

Showing 1 to 3 of 3 entries — Previous 1 Next

Selain daripada melihat serta menyunting maklumat guru, Sistem JPID Albayen juga menyediakan fungsi untuk memadam maklumat guru. Pentadbir sekolah perlu memilih maklumat guru yang mahu dipadam kemudian tekan butang .




Satu paparan *pop-up* dengan mesej "*Are you sure want to delete this teacher?*" akan muncul. Pentadbir sekolah perlu tekan butang OK jika mahu padam maklumat tersebut dan Cancel untuk batal memadam maklumat tersebut.

# مينو كلس

# MENU KELAS (*CLASS*)

Menu ini disediakan bagi memaparkan senarai kelas yang berada di sekolah anda yang telah didaftarkan ke dalam Sistem JPID Albayen.

Di ruangan ini, pentadbir sekolah boleh mendaftarkan maklumat kelas yang berada di sekolah anda dengan secara menekan butang Create Class Pentadbir sekolah boleh melihat nama-nama guru dan murid yang ditetapkan dalam kelas dengan menekan butang Assign for Year 2022, melihat butiran maklumat kelas lebih lanjut dengan menekan butang , boleh menyunting maklumat kelas dengan menekan butang , dan memadam maklumat kelas dengan menekan butang .



# مينو كلس

# MENU KELAS (*CLASS*)

## CIPTA KELAS

Mencipta kelas yang ada di sekolah masuk ke dalam Sistem JPID Albayen adalah dicipta oleh pentadbir sekolah. Maklumat yang diperlukan untuk mencipta kelas yang ada di sekolah ialah darjah dan nama kelas.

Setelah selesai mencipta kelas yang ada di sekolah ke dalam sistem, pentadbir sekolah perlu menekan butang Register Class.



# مينو كلس

# MENU KELAS (*CLASS*)

## MENETAPKAN GURU KELAS










Untuk menetapkan kelas, sistem terbahagi kepada tiga bahagian iaitu menetapkan guru kelas ke dalam kelas, menetapkan murid ke dalam kelas, dan menetapkan guru mata pelajaran yang akan diajar ke dalam kelas. Untuk menetapkan nama guru atau murid, pentadbir sekolah perlu menekan butang Assign kemudian senarai nama akan terpapar dan pentadbir sekolah hanya perlu tekan nama yang ingin ditetapkan ke dalam kelas. Jika pentadbir sekolah ingin membatalkan penetapan guru atau murid tersebut, pentadbir sekolah hanya perlu menekan butang Unassign .

# مينو كلس

# MENU KELAS (*CLASS*)

## LIHAT MAKLUMAT KELAS

| No | Standard | Name | |
|---|---|---|---|
| 1 | 1 | AMANAH | Assign for Year 2022 |
| 2 | 1 | CLASS | Assign for Year 2022 |

**Year 2022**

Class Teacher: ARNISYA RAMLI

Student Assigned:

Show 10 entries

| No | Name | MyKAD/MyKID/Passport Number |
|---|---|---|
| 1 | TEST STUDENT | TEST STUDENT |
| 2 | NUR AINA DALILA BINTI SYUKOR | 130303010001 |

Showing 1 to 2 of 2 entries

Subject Teacher:

Show 10 entries

| No | Subject | Teacher's Name | MyKAD/Passport Number |
|---|---|---|---|
| 1 | SIRAH | ARNISYA RAMLI | 880121235462 |
| 2 | IBADAT | ARNISYA RAMLI | 880121235462 |
| 3 | BAHASA ARAB | ARNISYA RAMLI | 880121235462 |
| 4 | TAUHID | ARNISYA RAMLI | 880121235462 |

Sistem JPID Albayen membenarkan pentadbir sekolah melihat butiran maklumat kelas dengan lebih lanjut. Dengan menekan butang , maklumat kelas akan dipaparkan seperti rajah sebelah.

# مينو كلس

# MENU KELAS (*CLASS*)

## SUNTING MAKLUMAT KELAS







Bagi maklumat kelas yang ralat, Sistem JPID Albayen membolehkan pentadbir sekolah menyunting maklumat kelas dengan menekan butang kemudian satu paparan baru untuk menyunting maklumat akan dipaparkan.

Selepas selesai menyunting maklumat kelas, pentadbir sekolah perlu menekan butang Submit Changes untuk menyimpan maklumat terbaru kelas.

# مينو كلس

# MENU KELAS (*CLASS*)

## PADAM MAKLUMAT KELAS

| No | Standard | Name | |
|---|---|---|---|
| 1 | 1 | AMANAH | Assign for Year 2022 |
| 2 | 1 | CLASS | Assign for Year 2022 |




Selain daripada melihat serta menyunting maklumat guru, Sistem JPID Albayen juga menyediakan fungsi untuk memadam maklumat kelas. Pentadbir sekolah perlu memilih maklumat kelas yang mahu dipadam kemudian tekan butang .

Satu paparan *pop-up* dengan mesej *"Are you sure want to delete this class?"* akan muncul. Pentadbir sekolah perlu tekan butang OK jika mahu padam maklumat tersebut dan Cancel untuk batal memadam maklumat tersebut.

# مينو كواڠن

# MENU KEWANGAN (*FINANCE*)

## LIHAT RUANGAN KEWANGAN




Sistem JPID Albayen menyediakan ruang kewangan untuk pentadbir sekolah menguruskan kewangan menggunakan sistem. Ruang lihat belanjawan atau *view budget* adalah ruang dimana pentadbir sekolah dapat melihat belanjawan yang diperuntukkan kepada sekolah.



# مينو ڤڠعمومن

# MENU PENGUMUMAN (*ANNOUNCEMENT*)

Menu ini disediakan bagi memaparkan senarai pengumuman yang dicipta di sekolah ke dalam Sistem JPID Albayen.

Di ruangan ini, pentadbir sekolah boleh mencipta pengumuman sama ada penting atau tidak untuk disampaikan kepada guru, murid, atau ibu bapa dengan menekan butang Create Announcement. Pentadbir sekolah juga boleh melihat butiran pengumuman lebih lanjut dengan menekan butang , boleh menyunting pengumuman dengan menekan butang , dan memadam pengumuman dengan menekan butang . Pengumuman akan luput setelah 30 hari daripada tarikh pengumuman dicipta.



# مينو ڤڠعمومن

# MENU PENGUMUMAN (*ANNOUNCEMENT*)

## CIPTA PENGUMUMAN




Pengumuman adalah salah satu cara untuk pentadbir sekolah berkomunikasi dengan guru, murid, dan ibu bapa melalui Sistem JPID Albayen. Maklumat yang diperlukan untuk mencipta pengumuman ialah tajuk pengumuman, penerima pengumuman, mesej yang ingin disampaikan, muat naik fail (jika perlu).

Setelah selesai mengisi maklumat pengumuman, pentadbir sekolah perlu menekan butang **Create New Announcement**.

# مينو ڤڠعمومن

# MENU PENGUMUMAN (*ANNOUNCEMENT*)

## LIHAT BUTIRAN PENGUMUMAN







Sistem JPID Albayen membenarkan pentadbir sekolah melihat butiran pengumuman dengan lebih lanjut. Dengan menekan butang , butiran pengumuman akan dipaparkan seperti rajah sebelah.

Ia akan memaparkan tarikh pengumuman dicipta, menerima pengumuman, serta mesej yang disampaikan.

# مينو ڤڠعمومن

# MENU PENGUMUMAN (*ANNOUNCEMENT*)

## SUNTING BUTIRAN PENGUMUMAN







Bagi butiran pengumuman yang ralat, Sistem JPID Albayen membolehkan pentadbir sekolah menyunting butiran pengumuman dengan menekan butang kemudian satu paparan baru untuk menyunting butiran akan dipaparkan.

Selepas selesai menyunting butiran pengumuman, pentadbir sekolah perlu menekan butang **Submit Changes** untuk menyimpan butiran terbaru pengumuman.

# مينو ڤڠعمومن

# MENU PENGUMUMAN (*ANNOUNCEMENT*)

## PADAM BUTIRAN PENGUMUMAN

| No | Title | Date Created | |
|---|---|---|---|
| 1. | PENGUMUMAN | 24 January 2021 | |




Selain daripada melihat serta menyunting butiran pengumuman, Sistem JPID Albayen juga menyediakan fungsi untuk memadam butiran pengumuman. Pentadbir sekolah perlu memilih butiran pengumuman yang mahu dipadam kemudian tekan butang .

Satu paparan *pop-up* dengan mesej "*Are you sure want to delete this announcement?*" akan muncul. Pentadbir sekolah perlu tekan butang OK jika mahu padam butiran tersebut dan Cancel untuk batal memadam butiran tersebut.

# مينو ڤڤريقسأن سکوله

# MENU PEPERIKSAAN SEKOLAH (*SCHOOL EXAM*)

Menu ini disediakan bagi memaparkan senarai peperiksan sekolah yang diadakan di sekolah ke dalam Sistem JPID Albayen. Di ruangan ini, pentadbir sekolah boleh mendaftar peperiksaan sekolah sama ada ujian yang kecil atau yang besar seperti ujian pertengahan tahun atau ujian akhir tahun dengan menekan butang Create Announcement. Tujuan ruangan peperiksaan sekolah dicipta adalah untuk guru memasukkan keputusan ujian murid ke dalam sistem. Pentadbir sekolah juga boleh menyunting butiran peperiksaan sekolah dengan menekan butang , dan memadam butiran peperiksaan dengan menekan butang . Tarikh peperiksaan sekolah yang dimasukkan hendaklah termasuk tarikh untuk guru memuat naik keputusan peperiksaan murid.



# مينو ڤڤريقسأن سکوله

# MENU PEPERIKSAAN SEKOLAH (*SCHOOL EXAM*)

## DAFTAR PEPERIKSAAN SEKOLAH




Peperiksaan sekolah adalah perkara yang penting untuk sebuah institusi pendidikan supaya ia dapat menguji pengetahuan murid mengenai perkara-perkara yang telah diajar di sekolah.

Untuk mendaftar peperiksaan sekolah, pentadbir sekolah perlu mengisi nama peperiksaan, serta tarikh mula peperiksaan sehingga tarikh akhir guru-guru boleh memuat naik keputusan peperiksaan murid. Setelah selesai mengisi butiran peperiksaan, pentadbir sekolah perlu menekan butang Create Exam.

# مينو ڤڤريقسأن سکوله

# MENU PEPERIKSAAN SEKOLAH (*SCHOOL EXAM*)

## SUNTING BUTIRAN PEPERIKSAAN SEKOLAH

| No | Title | Start Date | End Date | Total day(s) | Day(s) remaining | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | UJIAN | 24 January 2021 | 30 January 2021 | 6 day(s) | Expired | |
| 2. | UJIAN PERTENGAHAN TAHUN | 10 June 2021 | 15 June 2021 | 5 day(s) | Expired | |




Bagi butiran peperiksaan sekolah yang ralat, Sistem JPID Albayen membolehkan pentadbir sekolah menyunting butiran peperiksaan sekolah dengan menekan butang kemudian satu paparan baru untuk menyunting butiran akan dipaparkan.

Selepas selesai menyunting butiran peperiksaan sekolah, pentadbir sekolah perlu menekan butang Submit Changes untuk menyimpan butiran terbaru peperiksaan sekolah.

# مينو ڤڤريقسأن سکوله

# MENU PEPERIKSAAN SEKOLAH (*SCHOOL EXAM*)

## PADAM BUTIRAN PEPERIKSAAN SEKOLAH

| No | Title | Start Date | End Date | Total day(s) | Day(s) remaining | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | UJIAN | 24 January 2021 | 30 January 2021 | 6 day(s) | Expired | |
| 2. | UJIAN PERTENGAHAN TAHUN | 10 June 2021 | 15 June 2021 | 5 day(s) | Expired | |

Selain daripada melihat serta menyunting butiran peperiksaan sekolah, Sistem JPID Albayen juga menyediakan fungsi untuk memadam butiran peperiksaan sekolah. Pentadbir sekolah perlu memilih butiran peperiksaan yang mahu dipadam kemudian tekan butang .




Satu paparan *pop-up* dengan mesej "*Are you sure want to delete this school exam?*" akan muncul. Pentadbir sekolah perlu tekan butang OK jika mahu padam butiran tersebut dan Cancel untuk batal memadam butiran tersebut.

# مينو كحاضيرن ݢورو

# MENU KEHADIRAN GURU (*TEACHER ATTENDANCE*)

Menu ini disediakan bagi memaparkan senarai nama guru yang mengajar di sekolah ke dalam Sistem JPID Albayen. Di ruangan ini, pentadbir sekolah boleh melihat kehadiran guru dengan lebih lanjut apabila menekan butang .




Apabila butang  ditekan, satu paparan baru dengan butiran kehadiran guru akan dipaparkan mengikut nama guru yang dipilih. Ia akan memaparkan maklumat guru seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, jumlah hari guru masuk (*slided in*) atau tidak ke dalam sistem, dan kalendar yang mempunyai tanda kehadiran guru.



# مينو كحاضيرن ݢورو

# MENU KEHADIRAN GURU (*TEACHER ATTENDANCE*)

## LIHAT LAPORAN KEHADIRAN GURU






JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR (JAINJ)
**Sistem Sokongan Pengajaran dan Pembelajaran JPID Albayen**

Date printed: 19 April 2022

**TEACHER ATTENDANCE REPORT**
***Individual Report***

Start Date: 01 April 2022
End Date: 19 April 2022

School Name **SCHOOL DEMO**
Teacher Name **ARNISYA RAMLI**
MyKAD/Passport No **880121235462**

| No | Date | Time | Status |
|---|---|---|---|
| 1 | 13 April 2022 | 12:48 pm | Present |
| 2 | 14 April 2022 | 03:38 pm | Present |
| 3 | 19 April 2022 | 09:09 am | Present |

Sistem JPID Albayen menyediakan kemudahan untuk pentadbir sekolah melihat butiran laporan kehadiran guru dengan lebih lanjut. Untuk melihat laporan kehadiran guru, pentadbir sekolah perlu menekan butang **Attendance Report** pada bahagian atas kanan sistem. Kemudian, pentadbir sekolah perlu memasukkan tarikh mula sehingga akhir laporan kehadiran guru yang pentadbir sekolah perlukan dan tekan butang **Generate Report**.

Satu paparan baru menunjukkan butikan laporan kehadiran guru seperti nama sekolah, nama guru, nombor kad pengenalan, tarikh kehadiran, masa, dan status kehadiran dalam format *pdf* yang membolehkan pentadbir sekolah memuat turun.

# مينو بورڠ

# MENU BORANG (*FORMS*)

## MUAT NAIK BORANG







Sistem JPID Albayen menyediakan kemudahan untuk pentadbir sekolah memuat naik borang-borang yang memerlukan ibu bapa atau guru mengisi. Tujuan ruangan ini adalah untuk mengelakkan perkara seperti tercicir borang atau terlupa membawa borang dapat dielakkan.

Untuk memuat naik borang ke dalam sistem, pentadbir sekolah hanya perlu menekan butang Upload Form pada bahagian kanan atas sistem. Isi tajuk atau nama borang tersebut, pilih dokumen borang, kemudian tekan butang Upload Form setelah selesai mengisi dan memilih borang.

AL-BAYEN